

PENGUNAAN INTERNET DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH

MOHD AZHAR BIN MOHD YUSUFF

**LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(REKABENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI)**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010



PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

14 APRIL 2010

MOHD AZHAR BIN MOHD YUSUFF
M20082000512



DECLARATION

I hereby declare that the work in this project paper is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.



14 APRIL 2010

MOHD AZHAR BIN MOHD YUSUFF
M20082000512



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Segala puji-pujian bagi Allah serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, sekalian ahli keluarga dan para sahabat. Dengan rasa rendah diri dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya dapat saya menyempurnakan Laporan Projek untuk Ijazah Sarjana Pendidikan (Rekabentuk Instruksional Dan Teknologi).

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hj Abdul Latif Bin Hj Gapor selaku penyelia saya yang bertindak sebagai tulang belakang kepada penghasilan laporan projek ini. Segala ilmu, nasihat, keprihatinan, tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan amat saya hargai.

Penghargaan seterusnya didedikasikan kepada guru-guru sekolah rendah yang di daerah Kuala Kangsar yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi memberikan kerjasama sepanjang projek ini dijalankan. Ucapan jutaan terima kasih kepada isteri tersayang, Norsalina Bt. Mukhtar di atas segala semangat, kesabaran dan pengorbanan yang telah diberikan. Terima kasih juga kepada ibu bapa dan ibu bapa mertua serta ahli keluarga di atas sokongan dan dorongan yang diberikan selama ini.

Akhir sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang tempoh penghasilan laporan projek ini. Sekian.





ABSTRAK

PENGUNAAN INTERNET DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Kuala Kangsar, Perak. Kajian ini telah melibatkan seramai 94 orang guru sebagai responden kajian. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang mengukur latar belakang responden meliputi umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik. Selain itu, turut diukur sikap terhadap penggunaan Internet, kemahiran menggunakan Internet dan kekerapan penggunaan Internet dalam masa seminggu. Segala data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS). Hasil dapatan kajian menunjukkan sikap dan kemahiran responden terhadap penggunaan Internet adalah tinggi berdasarkan nilai min yang diperolehi. Analisis inferensi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tujuan menggunakan Internet dengan kekerapan penggunaan Internet dan terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap terhadap penggunaan Internet dengan kekerapan penggunaan Internet. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik dengan kekerapan penggunaan Internet. Namun, umur dan pengalaman mengajar mempunyai hubungan yang negatif dengan kekerapan penggunaan Internet iaitu semakin meningkat umur dan semakin meningkat tempoh pengalaman mengajar menyebabkan semakin berkurangnya penggunaan Internet dalam kalangan guru. Manakala kelulusan akademik mempunyai hubungan yang positif dengan kekerapan penggunaan Internet iaitu semakin tinggi kelulusan akademik seseorang guru maka semakin meningkatnya penggunaan Internet dalam kalangan guru.





ABSTRACT

THE USE OF INTERNET AMONG PRIMARY SCHOOL TEACHERS

The purpose of this study is to determine the use of Internet among primary school teachers in the district of Kuala Kangsar, Perak. This study involved 94 teachers as respondents. The questionnaire was used in this study as an instrument for measuring the background of the respondents including age, teaching experience and academic qualifications. In addition, it also measured the attitudes toward the use of the Internet, skills in using the Internet and frequency of Internet usage within a week. All data were analyzed using *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS). The findings showed those respondents' attitudes and skills of Internet usage is high, based on the mean value obtained. Inferential analysis showed that there was a significant correlation between the purpose of using the Internet with the frequency of the Internet usage and also showed the significant correlation between the attitudes towards the use of Internet with the frequency of Internet usage. The findings also showed that there was a significant correlation between age, teaching experience and academic qualification with the frequency of Internet usage. However, age and teaching experience have negative correlation with the frequency of Internet usage that the increase of age and the teaching experience caused the reduction of the Internet usage. While academic qualifications have a positive correlation with the frequency of Internet usage, so the higher level of academic qualification increased the Internet usage among teachers.



SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat

PENGAKUAN	iii
DECLARATION	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sejarah Internet	5
1.3 Perkembangan Internet Dalam Pendidikan Di Malaysia	6
1.4 Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	9
1.5 Latar Belakang Kajian	10
1.6 Pernyataan Masalah	10
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Tujuan Kajian	14
1.9 Persoalan Kajian	14
1.10 Limitasi Kajian	15
1.11 Definisi Istilah	15
1.11.1 Penggunaan	15

	1.11.2 Internet	15
	1.11.3 Penggunaan Internet	16
	1.11.4 Sikap	16
	1.11.5 Kemahiran	16
	1.11.6 Sekolah Rendah	16
	1.12 Kerangka Konseptual Kajian	17
	1.13 Rumusan	18
BAB	2 TINJAUAN LITERATUR	19
	2.1 Pengenalan	19
	2.2 Pelaksanaan Internet Di Sekolah	21
	2.3 Teori Yang Berkaitan	22
	2.4 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Penggunaan Internet	26
	2.4.1 Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru	27
	2.4.2 Tujuan Guru Menggunakan Internet	30
	2.5 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Internet	31
	2.6 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Kemahiran Guru Menggunakan Internet	34
	2.7 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Latar Belakang Guru (Umur, Pengalaman Mengajar Dan Kelulusan Akademik) Terhadap Penggunaan Internet	37
	2.8 Rumusan	38
BAB	3 METODOLOGI KAJIAN	39
	3.1 Pengenalan	39
	3.2 Rekabentuk Kajian	40
	3.3 Sampel Kajian	41

	3.4	Instrumen Kajian	41
	3.5	Kajian Rintis	44
	3.6	Pengumpulan Data	45
	3.7	Analisis Data	45
	3.8	Rumusan	47
BAB	4	DAPATAN KAJIAN	48
	4.1	Pengenalan	48
	4.2	Latar Belakang Responden	49
	4.3	Penggunaan Internet	51
	4.3.1	Sejauhmanakah Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	51
	4.4	Sikap Terhadap Penggunaan Internet	54
	4.4.1	Sejauhmanakah Sikap Terhadap Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	54
	4.5	Kemahiran Menggunakan Internet	59
	4.5.1	Sejauhmanakah Kemahiran Terhadap Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	59
	4.6	Hubungan Di Antara Tujuan Menggunakan Internet Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	64
	4.6.1	Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Tujuan Menggunakan Internet Dengan Kekerapan Penggunaan Internet?	64
	4.7	Perkaitan Di Antara Sikap Terhadap Penggunaan Internet Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	66
	4.7.1	Adakah Wujud Perkaitan Di Antara Sikap Terhadap Penggunaan Internet Dengan Kekerapan Penggunaan Internet?	66

4.8	Perkaitan Antara Latar Belakang (Umur, Pengalaman Mengajar Dan Kelulusan Akademik) Responden Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	67
4.8.1	Adakah Wujud Perkaitan Di Antara Latar Belakang (Umur, Pengalaman Mengajar Dan Kelulusan Akademik) Responden Dengan Kekerapan Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	67
4.8.1.1	Perkaitan Di Antara Umur Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	67
4.8.1.2	Perkaitan Di Antara Pengalaman Mengajar Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	68
4.8.1.3	Perkaitan Di Antara Kelulusan Akademik Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	68
4.9	Rumusan	69
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	71
5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan	71
5.2.1	Persoalan 1 : Sejauhmanakah Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	72
5.2.2	Persoalan 2 : Sejauhmanakah Sikap Terhadap Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	73
5.2.3	Persoalan 3 : Sejauhmanakah Kemahiran Terhadap Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	74
5.2.4	Persoalan 4 : Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Tujuan Menggunakan Internet Dengan Kekerapan Penggunaan Internet?	75



5.2.5 Persoalan 5 :	75
Adakah Wujud Perkaitan Di Antara Sikap Terhadap Penggunaan Internet dengan Kekerapan Penggunaan Internet?	
5.2.6 Persoalan 6 :	76
Adakah Wujud Perkaitan Di Antara Latar Belakang (Umur, Pengalaman Mengajar Dan Kelulusan Akademik) Responden Dengan Kekerapan Penggunaan Internet Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah?	
5.3 Kesimpulan	77
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	78
5.5 Rumusan	79
BIBLIOGRAFI	81
LAMPIRAN	89





SENARAI JADUAL

Jadual	Mukasurat
3.1 Taburan Data Bilangan Sampel Kajian Mengikut Jantina	41
3.2 Kandungan Soal Selidik	44
3.3 Julat Skor Min Sikap Guru Terhadap Penggunaan Internet	46
4.1 Latar Belakang Responden Mengikut Umur	49
4.2 Latar Belakang Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	49
4.3 Latar Belakang Responden Mengikut Kelulusan Akademik	50
4.4 Kekerapan Penggunaan Internet	51
4.5 Lokasi Atau Tempat Menggunakan Internet	52
4.6 Aplikasi Internet Yang Paling Kerap Digunakan	52
4.7 Tujuan Menggunakan Internet	53
4.8 Sikap Guru Terhadap Penggunaan Internet	54
4.9 Kemahiran Guru Menggunakan Internet	59
4.10 Hubungan Di Antara Tujuan Menggunakan Internet Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	64
4.11 Perkaitan Antara Sikap Terhadap Penggunaan Internet Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	66
4.12 Perkaitan Antara Umur, Pengalaman Mengajar dan Kelulusan Akademik Responden Dengan Kekerapan Penggunaan Internet	67





SENARAI RAJAH

Rajah

Mukasurat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

17





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Sebelum era teknologi, guru menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM)

seperti papan hitam, kapur dan buku teks dalam sesi pengajaran mereka. Dalam era zaman teknologi pula pelbagai BBM digunakan seperti *slide projector*, radio, TV, video dan kini komputer pula digunakan secara meluas. Penciptaan komputer telah memberi jalan kepada ciptaan Internet. Kini Internet telah menjadi salah satu inovasi penting dalam teknologi pendidikan (Yusup Hashim, 1998). Pada masa sekarang, pendidikan Internet digunakan secara meluas di negara-negara maju dan Malaysia juga tidak ketinggalan dalam hal ini. Pendidikan melalui Internet memainkan peranan yang penting dalam pembentukan generasi akan datang untuk mencapai objektif negara. Semakin maju sesebuah negara, semakin meningkat keperluan untuk tenaga kerja mahir dan yang berpengetahuan.





Kepelbagaian cara dalam pendidikan merupakan wahana utama bagi penerapan pelbagai idea baru teknologi termoden dan penerapan kepakaran dalam masyarakat. Internet adalah sebuah gedung yang pernah dicipta dan ia adalah satu institusi pendidikan tersendiri. Internet penuh dengan maklumat dan sumber. Ia merupakan tempat menyimpan, membekal idea, maklumat dan sumber untuk manusia. Melalui Internet peralihan daripada aktiviti pembelajaran formal kepada pembelajaran sendiri akan menjadi dominan.

Pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan individu yang mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi. Kenyataan ini disokong oleh Hafsa Sharif (2000) yang menyatakan pembelajaran masa kini sebagai satu proses yang berterusan dan tidak terbatas dalam satu konteks sahaja. Suasana dan peluang untuk belajar juga berubah dengan terdapatnya alat-alat seperti komputer dan pelbagai media lain.

Komputer dan Internet menggalakkan pembelajaran pelbagai ilmu pengetahuan secara individu di mana pelbagai ilmu pengetahuan boleh dicapai di seluruh pelosok dunia (Jaya Kumar, C.K., 2001).

Menjadikan masyarakat supaya celik teknologi sepenuhnya merupakan salah satu cabaran dalam usaha untuk kita maju dalam pelbagai aspek. Tahap pengetahuan atau literasi komputer dalam kalangan masyarakat masih jauh daripada tahap membanggakan. Justeru itu, kerajaan seharusnya meningkatkan kadar celik komputer dalam kalangan masyarakat untuk membolehkan usaha untuk mengeksploitasi perkembangan teknologi maklumat ini.

Pengajaran dan pembelajaran melalui Internet merupakan salah satu wahana pengajaran dan pembelajaran yang dianggap sangat berkesan dan sesuai bagi mendokong aspirasi Projek Perintis Sekolah Online yang dilancarkan pada Oktober 2000 yang melibatkan sebanyak 400 buah sekolah menengah dan rendah di seluruh





negara dan telah dijalankan secara berperingkat-peringkat. Tujuan Sekolah Online dilaksanakan adalah untuk meningkatkan penguasaan teknologi maklumat dalam kalangan guru dan pelajar sekolah. Projek tersebut merupakan hasil kerjasama antara Gabungan Majlis Guru Besar (GMGB), Telekom Malaysia Berhad, *UMB Training Consultancy, Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd.* dan *Malaysian Information Technology Berhad* (MIT). Memandangkan Internet atau “*World Wide Web*” (WWW) mempunyai potensi untuk menggalakkan dan menyokong proses pengajaran dan pembelajaran, usaha murni tersebut telah dilaksanakan.

Teknologi komputer berinternet merupakan suatu alat yang sangat berpotensi dalam membantu meringankan beban kerja seharian. Teknologi ini telah terbukti sebagai sebuah mesin elektronik yang anjal, berkeupayaan tinggi dan sangat berkesan dalam melaksanakan tugas-tugas untuk menjayakan lagi proses pengajaran dan



pembelajaran.



Pelbagai perkhidmatan disediakan oleh Internet kepada para pengguna. Antaranya adalah penghantaran e-mel, sidang video, “*Internet Relay Chat*” (IRC) serta pelbagai lagi. Pengguna akan mendapat manfaat daripadanya seperti berkongsi hasil penyelidikan, berkomunikasi melalui e-mel atau perbualan “*chat*” dan mengumpulkan maklum balas dan cadangan-cadangan berguna serta berkongsi rancangan pengajaran dengan rakan-rakan. Sebagai contoh, seseorang guru memberi sinopsis sebuah buku cerita untuk dibincangkan. Matlamat sesi pengajaran ini adalah supaya pelajar-pelajar boleh berkongsi pendapat tentang cerita yang dibaca. Dalam sesi ini guru akan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan cerita tersebut dan meminta pelajar-pelajar menjawab dengan memberi alasan yang munasabah.

Menurut Gagne (1993), proses pengajaran hendaklah dimulai dengan menarik perhatian pelajar. Penggunaan Internet dalam pengajaran membolehkan guru-guru





mempelbagaikan teknik pengajaran bagi merangsang minda pelajar. Kebolehan guru-guru memasukkan teks, grafik, animasi serta bunyi dan kepelbagaian teknik dalam pengajaran sangat penting untuk menarik minat terutama di peringkat awal pengajaran.

Untuk proses penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran guru berperanan sebagai fasilitator di mana mereka hanya mengawal pelajar-pelajar dalam sesi pengajaran setelah pelajar diberi bahan dan tugas. Dalam hal ini guru hanya membimbing manakala pelajar akan melakukan tugas sehingga objektif tercapai. Ini dapat mengurangkan pergantungan pelajar kepada guru kerana pelajar bebas diberi kebebasan untuk menyiapkan tugas.

Aplikasi teknologi dalam bidang pendidikan semakin hari semakin meningkat. Teknologi komputer terkini berupaya meningkatkan pengurusan pendidikan, penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran. Kesan daripada perkembangan pesat teknologi maklumat, beberapa perubahan begitu ketara dalam kehidupan manusia pada zaman ini. Peranan teknologi maklumat telah membawa masyarakat hari ini mengenali apa itu multimedia, hipermedia, Internet dan lain-lain yang berkaitan dengan dunia pengkomputeran.

Pendidikan di Malaysia juga tidak terkecuali merasai gelombang e-pendidikan yang berasaskan Internet (Jaya Kumar, C. K., 2001). Perkembangan pendidikan berasaskan Internet yang tersebar pesat di negara barat di alaf ini telah memberi satu impak kepada sistem pendidikan secara tradisional dunia (Baharuddin, A., 2004).

Fungsi Internet sebagai satu jenis pertukaran maklumat teknikal sahaja seterusnya berkembang sehingga hari ini sebagai satu entiti yang penting dalam dunia kini. Rangkaian Internet terdiri daripada beberapa bahagian iaitu mel elektronik (e-





mel), halaman web www, pencarian maklumat, perdagangan elektronik, intranet, permainan dan “*chatting*” (Levine, Baroudi dan Young, 1999).

1.2 Sejarah Internet

Menurut Abdul Manaf Bohari, Nur Haryani Zakaria, Norliza Katuk dan Zahurin Mat Aji (2006) menyatakan Internet merupakan singkatan kepada perkataan “*Internetwork*”. Sesetengah buku merujuk Internet sebagai “*international network*” (rangkaian antarabangsa). Namun kedua-duanya merujuk kepada sejenis rangkaian yang menghubungkan beberapa rangkaian kecil sehingga terbentuknya satu rangkaian yang lebih besar dari segi saiz dan liputan kawasannya. Pelaksanaan konsep Internet telah bermula sekitar tahun 1969 apabila Jabatan Pertahanan Amerika (*Department of Defense*) membina rangkaian untuk mengatasi masalah simpanan data secara berpusat.

Dengan cara ini, data boleh dipindahkan ke pelbagai lokasi apabila berlakunya serangan atau peperangan ke atas tempat simpanan maklumat. Pada tahun yang sama, beberapa orang kakitangan akademik daripada Universiti California-Santa Barbara (UCLA), Universiti Utah dan Stanford *Research Institute* telah membangunkan satu rangkaian yang dikenali sebagai ARPAnet (*Advanced Research Project Agency*) yang telah dibiayai oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat. Objektif utama pembinaan rangkaian ini adalah untuk membolehkan kerjasama dalam bidang ketenteraan dan projek penyelidikan. Ia juga bertujuan untuk menyediakan kemudahan capaian data yang berterusan walaupun sebahagian komputer yang disambungkan ke rangkaian musnah akibat bencana alam mahupun peperangan.

Penyelidikan dalam bidang rangkaian ini berterusan sehingga tahun 1984 apabila Sistem Nama Pelayan Domain (DNS) diperkenalkan. Ia merupakan permulaan era teknologi Internet yang digunakan secara meluas pada hari ini. Teknologi ini pada





asalnya hanya digunakan untuk ketenteraan dan penyelidikan sahaja. Walaubagaimanapun, ia dilihat mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan dan digunakan secara meluas di seluruh dunia.

Internet masa kini merupakan hasil tumpuan teknologi, kebebasan akademik dan keperluan ketenteraan. Semasa peperangan dingin, tentera military US menyedari dengan menekan satu butang pada komputer boleh melumpuhkan seluruh negara, maka dalam tahun 1969 mereka memutuskan untuk membentuk satu sistem “*self-healing*” yang boleh menghantar maklumat ketenteraan ke mana sahaja yang diingini (Duncan Grey, 2001).

Menurut Mohd. Sarif, Abdullah Mohamed, Awang Koding Che Tom, Noor Rahan Mansor dan Shamsudin Hussin (1998) menyatakan Internet juga dapat menyediakan pelbagai fungsi kepada pengguna. Antaranya sebagai pusat penerbitan sumber maklumat, ruang diskusi, alat komunikasi, alat forum dan alat penyelidikan. Kepelbagaian ini menjadikan Internet sebagai lebuhraya maklumat yang wajar dimanfaatkan oleh para pengguna sama ada pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi mahu pun kalangan profesional dalam bidang pendidikan.

1.3 Perkembangan Internet Dalam Pendidikan Di Malaysia

Bagi menyediakan tenaga rakyat di zaman maklumat ini, sistem pendidikan yang amat diperlukan seharusnya berasaskan teknologi maklumat (Lalita Raja Singham, 1996). Menurut Nasaruddin Ahmad (1997), dalam konteks pendidikan di Malaysia untuk merealisasikan Wawasan 2020 kerajaan Malaysia tidak mahu ketinggalan dalam arus pembangunan teknologi maklumat. Justeru Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah untuk memperkenalkan Internet kepada sekolah melalui Projek





Jaringan Pendidikan. Penggunaan Internet yang semakin popular dalam kalangan masyarakat diyakini mempunyai potensi untuk mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional.

Kebanyakan pembelajaran dalam bilik darjah masih menggunakan pen dan kertas serta papan putih dan “marker”. Penggunaan kaedah pengajaran secara tradisional begini hanya memberikan penumpuan pelajar untuk masa yang singkat sahaja. Kaedah pengajaran secara tradisional hanya bergantung kepada penggunaan transparenasi (Asmah Awal, 2001), “*Chalk and Talk*” model dan eksperimen ringkas. Kaedah tersebut kurang menyampaikan konsep dan fakta sebenar yang ingin disampaikan. Tambahan pula dengan kesilapan maklumat dari sumber-sumber tersebut, tidak jelas dan kerosakan peralatan. Di kebanyakan sekolah telah dirancang untuk menggunakan komputer dan Internet sebagai alat pengajaran dan pembelajaran

(Mohd. Yusop, 2001).

Pernyataan ini menunjukkan bahawa perubahan ke arah penggunaan komputer dan Internet dalam pengurusan pendidikan belum lagi begitu rancak, walaupun seruan oleh mantan Perdana Menteri dibuat dalam tahun 1991 dan anjuran daripada Ketua Pengarah Pelajaran dibuat dalam tahun 1996 tetapi kenyataan di atas yang dibuat dalam tahun 2000 masih menunjukkan bahawa masih ada sekolah-sekolah yang menggunakan pen dan kertas serta papan putih dan ‘marker’ dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Kehadiran teknologi canggih ini bukanlah sebenarnya untuk mengambilalih tugas guru tetapi cuma sebagai satu alat untuk memudahkan guru menyampaikan pengajaran kepada para pelajar dengan lebih efektif lagi. Ini adalah kerana perkembangan pendidikan semasa telah menunjukkan era pendidikan teknologi maklumat telah menumpukan kepada pengkaedahan pengajaran berpusatkan pelajar.





Oleh itu anjakan paradigma perlu bagi setiap amalan dan prosedur yang digunakan dalam pengajaran serta prinsip dan pegangan teoritis.

Kedudukan Internet dan multimedia adalah ke arah positif dan sekolah-sekolah telah ada pengalaman serta projek literasi komputer, komputer dalam pendidikan dan perkembangan kelab-kelab komputer seperti cendawan menjadikan tapak asas yang kukuh bagi negara ini mengeksploitasi multimedia. Usaha-usaha ini diharapkan dapat meningkatkan minda pelajar dan pendidikan baru terhadap lautan ilmu yang terdapat dalam Internet dan membawa pendekatan baru dalam pendidikan iaitu satu pendekatan yang tidak lagi terikat kepada kekangan masa dan tempat (Sulaiman Ngah Razali, 1996).

Perkembangan Internet terhadap sistem pendidikan negara di Institusi Pengajian Tinggi seperti program pembelajaran jarak jauh USM yang disokong oleh arkitektur telesidang dwihala yang membolehkan perjumpaan pelajar di merata-rata tempat merupakan salah satu daripada dasar teknologi canggih. Beberapa universiti pada masa yang sama telah memulakan instruksi berasaskan web dengan kemudahan ruang sembang (*chat room*) bagi interaksi masa sebenar walaupun dalam lokasi yang berlainan. Di samping itu juga, pelajar dalam kampus juga disokong dengan LAN (*Local Access Network*) yang membolehkan akses kepada maklumat digital dan belajar dari “*world wide web*” (www). Ini merupakan kaedah teknologi bersepadu baru yang mana pendekatan teori pembelajaran konstruktivisme dapat diamalkan dengan lebih berkesan dalam sistem pendidikan negara kita (Jonassen David, 1996).

Pengenalan kepada koridor raya multimedia sejak tahun 1990'an telah membuka ruang yang luas kepada perkembangan penggunaan Internet di Malaysia. Malah, dalam membentuk wawasan negara maju ini, banyak syarikat cuba mendapatkan status yang dikenali sebagai status MSC (*Multimedia Superhighway*





Corridor). Salah satu daripada aplikasi perdana yang dibangunkan menerusi MSC ialah pemasaran tanpa sempadan.

Menurut Ismail Hashim (2000) satu kajian yang dijalankan oleh Dr. Othman Yeop Abdullah pada tahun 1999 mendapati bahawa seramai 778000 orang di Malaysia adalah pelanggan Internet. Jumlah yang diberikan ini menunjukkan daripada 22 juta orang penduduk Malaysia, hanya 3.5 peratus sahaja yang menggunakan Internet manakala selebihnya tidak menggunakan Internet.

1.4 Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Laman-laman web boleh membantu guru-guru untuk mendapatkan maklumat secara mendalam dan di antara contoh laman-laman web tersebut ialah seperti *Science Line*, *Eco Net*, *PSINets*, *INTERNET/BITNET* dan *ERIC Online*. Peranan dan penggunaan Internet telah mula dikenalpasti dapat membantu pengurusan dalam sistem pendidikan negara.

Menurut Rozinah Jamaludin (2000), Internet telah dilihat sebagai alat untuk mengakses maklumat dan pengetahuan secara global untuk pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Ia merupakan fenomena global yang baru dan boleh mempengaruhi cara dan norma kehidupan di seluruh negara. Internet telah merevolusikan dunia pengkomputeran dan komunikasi dunia pada hari ini dengan menggabungkan maklumat dalam bentuk teks, video, suara dan animasi di mana media penyaluran diseragamkan kepada talian telefon dan digunakan secara meluas. Melalui penggunaan Internet ia akan menukar ke bilik darjah yang ada sekarang menjadi sebuah bilik darjah maya dan global.

Internet membawa masuk maklumat, data, imej dan juga perisian komputer ke dalam bilik darjah dari tempat yang tidak mungkin dilawati dalam masa yang singkat





(Rozinah Jamaludin, 2000). Internet telah memperkembangkan sumber bilik darjah dengan menjadikan sumber dari seluruh dunia mudah diperolehi oleh guru dan pelajar. Menurut kenyataan Zoraini Wati Abas (1996), capaian Internet boleh membuat hubungan dengan orang seluruh dunia menjadi satu kenyataan hingga mampu membawa pakar-pakar pendidikan ke dalam bilik darjah. Capaian Internet juga boleh menghasilkan projek individu, berkumpulan, kolaborasi, bahan kurikulum dan perkongsian idea.

1.5 Latar Belakang Kajian

Berikutan perkembangan teknologi yang kian pesat, maka penggunaan Internet amat digalakkan kepada guru-guru untuk diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini menumpu kepada penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru di sekolah rendah. Penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru akan ditinjau untuk mengetahui sejauhmana kekerapan guru-guru menggunakan Internet sebagai salah satu daripada bahan sumber pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain faktor kekerapan penggunaan Internet di kalangan guru-guru, faktor sikap dan kemahiran guru juga diambilkira di dalam kajian ini untuk diterokai sejauhmana sumbangsan faktor-faktor ini mempengaruhi kekerapan penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru.

1.6 Pernyataan Masalah

Dewasa ini penggunaan Internet kian meluas dalam kalangan pengguna yang sering mengikuti perkembangan terkini dunia teknologi dan maklumat komunikasi. Golongan pendidik juga tidak ketinggalan untuk melengkapkan diri mereka dengan perkembangan dan perubahan teknologi maklumat dan komunikasi untuk





diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran. Perubahan pengajaran dan pembelajaran harus dilakukan supaya bersesuaian dengan budaya zaman sekarang yang banyak terdedah dengan budaya menggunakan teknologi maklumat seperti *3G*, *GPRS*, *Facebook*, *Games* dan sebagainya.

Cabaran globalisasi pula menuntut agar negara membangunkan sumber tenaga yang mempunyai ciri-ciri *K-Worker*, celik dan mahir dalam Internet, mampu bersaing pada peringkat tempatan dan peringkat global, bahkan memiliki jati diri dan daya saing yang tinggi. Oleh itu guru yang mempunyai pengetahuan Internet yang baik akan dapat meneroka maklumat bagi menambahkan pengetahuan yang boleh digunakan dalam persediaan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, penggunaan Internet sebagai alat bantu mengajar menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan memberi kesan yang lebih baik kepada pelajar.



Sebagaimana kajian oleh Tengku Zawawi Tengku Zainal (1998) menunjukkan murid yang menggunakan Internet di dalam proses pembelajaran menunjukkan respons yang lebih tinggi, peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer serta peningkatan dalam keyakinan diri. Ini menunjukkan penggunaan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin meningkat kepentingannya.

Persoalan yang timbul ialah sejauhmanakah tahap penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru. Sejauhmanakah sikap dan kemahiran mereka di dalam menggunakan Internet. Apakah faktor yang sebenarnya mempengaruhi guru untuk menggunakan Internet untuk diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran? Persoalan-persoalan ini penting kerana pengetahuan guru terhadap penggunaan Internet dalam pendidikan untuk diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran serta dapat membantu guru membentuk murid-murid ke arah persediaan menghadapi ledakan teknologi maklumat.





Masih terdapat guru yang mungkin beranggapan penggunaan Internet dalam pendidikan sebagai satu bebanan tugas kerana penggunaan Internet memerlukan kemahiran baru serta perancangan pengajaran yang rapi. Pengetahuan yang cetek dalam penggunaan Internet akan menimbulkan banyak masalah dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Keadaan ini menyukarkan guru kerana mereka terpaksa mempelajari kemahiran baru. Ketidaksediaan guru dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan Internet akan menimbulkan masalah dan menyebabkan wawasan negara sukar untuk dicapai. Oleh itu, untuk menggunakan Internet dalam pendidikan, pemahaman dan penguasaan guru-guru tentang Internet amat penting supaya guru dapat mendalami teknologi maklumat dengan lebih mendalam. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti penggunaan Internet dalam kalangan guru. Kajian ini penting sebagai langkah awal meninjau ke arah persediaan guru dalam menghadapi era perubahan tersebut.



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi beberapa maklumat tentang penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru, lokasi atau tempat guru menggunakan Internet, tujuan guru menggunakan Internet, sikap serta kemahiran guru di dalam menggunakan Internet. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran tentang penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru dan kemampuan guru-guru menggunakan kemudahan Internet dengan cara yang betul dan berkesan.

Dapatan kajian ini perlu disebarkan kepada guru supaya dapat memberi kesedaran kepada guru tentang kepentingan penggunaan Internet sebagai bahan rujukan untuk pengajaran atau penyelidikan sebelum menyampaikannya kepada murid. Cadangan-cadangan yang dikemukakan di sini boleh dijadikan sebagai garis





panduan dalam meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan yang paling penting penggunaan Internet merupakan satu komponen utama untuk berhadapan dengan cabaran penerokaan ilmu di alam siber.

Selain daripada itu hasil kajian ini juga penting untuk memberikan gambaran kepada Kementerian Pelajaran Malaysia selaku penggubal dasar pendidikan tentang penggunaan Internet dalam kalangan guru supaya mereka dapat merancang aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran guru dalam menggunakan Internet terutamanya untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Maklumat ini juga dapat membantu Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Pembangunan Kurikulum, guru besar dan pengetua sekolah dalam menyusun aktiviti pengurusan sumber manusia serta dapat menentukan bidang pengetahuan dan kemahiran komputer dan Internet yang sepatutnya dikuasai oleh guru serta meningkatkan lagi keyakinan guru dalam penggunaan Internet.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi perintis bagi para penyelidik untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang penggunaan Internet selaras dengan wawasan kerajaan untuk menjadikan teknologi maklumat sebagai agenda utama dalam menghadapi alaf baru dan merealisasikan sistem pendidikan bertaraf dunia.

Seterusnya kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah ilmu yang boleh digunakan oleh pelbagai pihak khususnya guru, ahli akademik, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta dari jabatan yang berkaitan dengan bidang rekabentuk instruksional dan teknologi untuk merangka program, ceramah, seminar dan bengkel mengenai masalah penggunaan Internet yang sering dihadapi oleh guru-guru untuk diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran. Semoga dengan dapatan kajian ini dapat





memberi sumbangsaran kepada pengkaji-pengkaji lain yang turut berminat untuk mengkaji kajian ini di masa-masa akan datang.

1.8 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut :

1. Menentukan penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.
2. Menentukan sikap dalam kalangan guru-guru sekolah rendah terhadap penggunaan Internet.
3. Menentukan kemahiran dalam kalangan guru-guru sekolah rendah terhadap penggunaan Internet.
4. Menentukan hubungan di antara tujuan menggunakan Internet dengan kekerapan penggunaan Internet.
5. Menentukan perkaitan di antara sikap dengan kekerapan penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.
6. Menentukan perkaitan di antara latar belakang (umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik) dengan kekerapan penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.

1.9 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini pula adalah seperti berikut :

1. Sejauhmanakah penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah?
2. Sejauhmanakah sikap terhadap penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah?





3. Sejauhmanakah kemahiran terhadap penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah?
4. Adakah terdapat hubungan di antara tujuan menggunakan Internet dengan kekerapan penggunaan Internet?
5. Adakah wujud perkaitan di antara sikap terhadap penggunaan Internet dengan kekerapan penggunaan Internet?
6. Adakah wujud perkaitan di antara latar belakang (umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik) responden dengan kekerapan penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru sekolah rendah?

1.10 Limitasi Kajian

Kajian ini melibatkan 94 orang guru-guru di enam buah sekolah rendah di daerah Kuala Kangsar, Perak yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik.

1.11 Definisi Istilah

1.11.1 Penggunaan

Penggunaan adalah merujuk kepada peluang-peluang yang diperolehi bagi memanfaatkan sesuatu situasi. Ia juga menggabungkan kemahiran serta peluang yang ada untuk mendapatkan kebaikan daripada sesuatu keadaan.

1.11.2 Internet

Rangkaian (*network*) bagi rangkaian komputer global (*Wide Area Network*) yang menghubungkan berjuta-juta komputer di seluruh dunia.





1.11.3 Penggunaan Internet

Di dalam kajian ini penggunaan Internet merujuk kepada kekerapan responden menggunakan Internet dalam masa seminggu.

1.11.4 Sikap

Sikap terhadap penggunaan Internet membawa kepada kesediaan guru menerima Internet dan menggunakan dalam tugas hariannya (Mohd Yusof Abdullah et. al., 2007).

1.11.5 Kemahiran

Kemahiran ialah menilai sama ada boleh menguasai beberapa kemahiran yang dianggap penting dalam penggunaan teknologi Internet (Ahmad Esa et. al., 2007)




1.11.6 Sekolah Rendah

Menurut Kamus Dewan (1996) sekolah didefinisikan sebagai tempat untuk belajar dan mengajar atau tempat menerima dan memberi pelajaran. Rendah pula bermaksud tidak tinggi atau taraf permulaan. Maka sekolah rendah ialah tempat pemulaan murid-murid belajar atau menerima pendidikan secara formal.



1.12 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang mempamerkan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji di dalam kajian ini. Penggunaan Internet sebagai pembolehubah bersandar di dalam kajian ini diukur berdasarkan kekerapan responden menggunakan Internet dalam masa seminggu. Manakala pembolehubah bebas pula diukur berdasarkan pembolehubah latar belakang guru dengan mengambilkira umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik responden. Selain itu sikap terhadap penggunaan Internet dan kemahiran menggunakan Internet juga sebagai pembolehubah bebas di dalam kajian ini.

Berdasarkan kerangka konseptual kajian ini, penyelidik mengkaji latar belakang responden di dalam kajian ini dari segi umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik. Penyelidik menentukan sejauhmana pembolehubah latar belakang responden ini mempunyai hubungan atau perkaitan dengan penggunaan Internet. Penyelidik juga mengkaji sejauhmana sikap dan kemahiran guru tentang



penggunaan Internet mereka dan sejauhmana faktor sikap dan kemahiran ini mempunyai hubungan atau perkaitan dengan penggunaan Internet.

1.13 Rumusan

Kepentingan penggunaan Internet di dalam pengajaran dan pembelajaran pada ketika ini amat digalakkan. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan penggunaan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu membuatkan murid-murid lebih memberi respon yang tinggi (Tengku Zawawi Tengku Zainal, 1998). Sehubungan dengan itu, kebanyakan sekolah telah merancang untuk menggunakan komputer dan Internet sebagai alat pengajaran dan pembelajaran (Mohd. Yusop, 2001). Ini kerana, pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pen dan kertas serta papan putih dan “marker” semata-mata di dalam kelas menyebabkan penyampaian konsep dan fakta sebenar yang ingin disampaikan kurang berkesan. Oleh itu, guru haruslah sentiasa peka dengan perkembangan teknologi terkini supaya penyampaian pengajaran dan pembelajaran tidak ketinggalan zaman dan seterusnya guru dapat mengajar dengan kaedah dan teknik yang terkini melalui penggunaan Internet di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Sejajar dengan itu, diharapkan melalui maklumat yang diperolehi daripada dapatan kajian ini akan dapat memberi gambaran kepada guru-guru, warga pendidik mahu pun pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengetahui situasi sebenar tentang sejauhmanakah penggunaan Internet dalam kalangan guru-guru.

